




KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|--------------|---|-------------------|------------|---|----|
| SURAT KHABAR | : | KOSMO | | | |
| TARIKH | : | 30/8/2021 (ISNIN) | MUKA SURAT | : | 14 |
| JABATAN | : | PERHILITAN | | | |

Perhilitan pasang jerat, harimau masih di kebun getah

Kosmo, 30 Ogos 2021 14

Disangka babi, rupanya harimau



KERATAN Kosmo semalam.

BENTONG – Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) memasang perangkap bagi menangkap seekor harimau kumbang yang dipercayai masih berada di kawasan kebun getah di Ulu Sembah di sini.

Perangkap besi dengan umpan kambing itu dipasang di kawasan kebun getah berhampiran lokasi penemuan haiwan liar

berkenaan baru-baru ini.

Pengarah Perhilitan Pahang, Rozidan Md. Yassin berkata, harimau kumbang berkenaan dipercayai masih berada di kawasan itu selepas pihaknya menemukan bangkai babi hutan yang menjadi mangsa harimau berkenaan.

"Perangkap dipasang kerana terdapat kawasan hutan yang terkepung berkeluasan kira-kira

12 ekar di kawasan kebun getah itu selain terdapat pusat tahfiz, kawasan penanaman sayur dan kuari.

"Perangkap juga dipasang bagi mengelakkan risiko *roadkill* terhadap harimau kumbang tersebut memandangkan kawasan bersebelahan adalah Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak," katanya semalam.

Kelmarin Kosmo melaporkan

seorang lelaki, Rosli Mohamad Hashim, 56, melalui detik mencemaskan apabila bertembung dengan seekor harimau kumbang ketika berada di kebun getahnya di Ulu Sembah dekat sini kelmarin.

Bagaimanapun, dalam kejadian kira-kira pukul 8 pagi itu, pesara tentera terbabit bernasib baik apabila harimau kumbang tersebut tidak menyeranginya.

